




**UNDANG2 No. 5 Tahun 1961**  
**UNDANG2 KESATUAN2 SEKERJA, 1961**

**Beta bersetuju,**



**D.Y.M.M. SULTAN**  
**SIR OMAR ALI SAIFUDDIN**  
*Brunei.*  
**11.12.61**

# UNDANG2 KESATUAN2 SEKERJA, 1961

## SUSUNAN BAB2

1. Gelaran pendek dan permulaan.
2. Tafsir.
3. Kesatuan2 sekerja bukan-nya jinayah.
4. Kesatuan2 sekerja tidak salah bagi maksud2 mal.
5. Kesatuan2 sekerja di-tegah dari menjalankan pekerjaan kechuali telah berdaftar.
6. Pendaftar Kesatuan2 Sekerja.
7. Bilangan ahli2 yang sehabis kurang sekali.
8. Pendaftaran kesatuan sekerja itu wajib.
9. Peratoran2 bagi pendaftaran.
10. Ka-enggan mendaftarkan.
11. Membatalkan pendaftaran.
12. Menukar nama.
13. Menyatukan.
14. Notis kerana menukar nama atau bersatu.
15. Persekutuan kesatuan2 sekerja.
16. Pegawai2 kesatuan sekerja.
17. Pergabongan di-luar Negeri.
18. Ahli2 dari pegawai2 Kerajaan.
19. Perlindungan hak pemilehan pekerja2 untuk memasoki sa-buah kesatuan sekerja.
20. Kandongan2 Undang2 Persekutuan dan Undang2 Sharikat, 1956, tidak akan di-pakai terhadap kesatuan2 sekerja.
21. Tanggong jawab untuk menghantar kira2.
22. Menggunakan wang2 fund.
23. Tegahan dari membayar denda2 dan hukuman2.
24. Menggunakan wang2 fund bagi maksud2 siasah.
25. Kira2 yang telah di-odit hendaklah di-hantar kepada Pendaftar.
26. Memeriksa kira2 dan surat2.
27. Peratoran2 bagi kesatuan2 sekerja yang berdaftar.
28. Mengubah peratoran2 kesatuan sekerja dan lain2.
29. Hukoman kerana menggunakan wang atau harta benda sa-buah kesatuan sekerja yang berdaftar dengan jalan salah.
30. Memberi ma'aloman yang falsu mengenai kesatuan2 sekerja.
31. Kegagalan untuk menghantar sinarai2.
32. Menghadkan da'waan.
33. Salinan2 Undang2 hendaklah di-tampal sabagiamana yang di-arahkan oleh Pesurohjaya Buroh.
34. Peratoran2.  
Jadual — (Bab 27).

*Satu Undang2 untok mengatorkan Kesatuan2  
Sekerja.*

[ ]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri sabagai berikut: —

**Gelaran  
pendek dan  
permula'an.**

1. Undang2 ini boleh di-gelar sabagai Undang2 Kesatuan2 Sekerja, 1961 dan akan berjalan kuat kuasa-nya pada tarikh yang di-tetapkan oleh Sultan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

**Tafsir.**

2. (1) Dalam Undang2 ini —

“majikan” termasuk Kerajaan Negeri;

“berdaftar” berma'ana berdaftar di-bawah Undang2 ini;

“Pendaftar” berma'ana Pendaftar Kesatuan2 Sekerja yang di-lantek di-bawah bab 6;

“kesatuan sekerja” berma'ana sebarang kumpulan, sama ada sementara atau tetap, dalam mana maksud2 yang utama-nya ialah menurut perlembagaan-nya untok mengatorkan perhubungan2 di-antara pekerja2 dengan majikan2, atau di-antara pekerja2 dengan pekerja2, atau di-antara majikan2 dengan majikan2, sama ada kumpulan tersebut akan atau tidak akan di-anggap, jika Undang2 ini belum di-perbuat, sabagai satu kumpulan yang haram oleh sebab satu atau lebeh dari satu daripada maksud2-nya ialah untok menindas perdagangan;

“pekerja” berma'ana mana2 orang yang telah membuat atau bekerja menurut satu konterek dengan saorang majikan dalam apa jua jawatan, sama ada konterek itu

terang atau berpandu janji, sechara mulot atau bertulis, dan sama ada ianya satu konterek perkhidmatan atau pun latehan (apprentice) atau pun satu konterek untok menjalankan bersendirian sesuatu pekerjaan atau perburohan dan termasuk mana2 orang yang biasa-nya di-ambil bekerja di-bawah sebarang konterek yang sedemikian, sama ada orang tersebut bekerja atau tidak bekerja pada sebarang masa yang tertentu.

(2) Tiada apa2 dalam Undang2 ini —

(a) akan menyentoh —

- (i) sebarang perjanjian di-antara rakan2 tentang perniagaan mereka sendiri;
- (ii) sebarang perjanjian di-antara saorang majikan dengan orang2 yang di-ambil oleh-nya bekerja tentang pekerjaan tersebut;
- (iii) sebarang perjanjian yang bergantung kapada perjualan pelaris sesuatu perniagaan atau latehan di-dalam sesuatu pekerjaan, perdagangan atau pertukangan tangan; atau

(b) akan mencheegah sebarang kesatuan sekerja dari mengadakan faedah2 bagi ahli2-nya.

**Kesatuan2 sekerja bukan-nya jinayah.**

3. Maksud2 sesuatu kesatuan sekerja tidak akan, oleh sebab semata2 bahawa maksud2 itu adalah menindas perdagangan, di-anggap haram yang boleh menyebabkan mana2 ahli kesatuan sekerja tersebut terkena da'waan jinayah kerana bersubahat atau sebalek-nya.

**Kesatuan2 sekerja tidak salah bagi maksud2 mal.**

4. Maksud2 sesuatu kesatuan sekerja tidak akan, oleh sebab semata2 bahawa maksud2 itu adalah menindas perdagangan, bersalah yang boleh menyebabkan sebarang perjanjian atau amanat menjadi tidak berguna.

Kesatuan2 sekerja ditengah dari menjalankan pekerjaan kechuali telah berdaftar.

5. (1) Tiada sa-buah kesatuan sekerja yang boleh melakukan sebarang perbuatan untok memajukan maksud2 bagi yang mana ianya di-tubuhkan kechuali kesatuan sekerja tersebut adalah di-daftarkan di-bawah Undang2 ini.

(2) Sebarang kesatuan sekerja atau mana2 pegawai atau ahli-nya yang melanggar kandungan2 bab ini akan di-dapati salah dan akan di-kenakan hukoman denda sebanyak lima ratus ringgit.

Pendaftar Kesatuan2 Sekerja.

6. Sultan boleh melantek orang yang di-fikirkan-nya layak untok menjadi Pendaftar Kesatuan2 Sekerja.

Bilangan ahli2 yang sehabis kurang sekali.

7. Seramai tujuh orang ahli atau lebeh dari sabuah kesatuan sekerja boleh, dengan menurunkan tanda-tangan2 mereka ka-atas peratoran2 kesatuan itu dan seterusnya menurut kandungan2 Undang2 ini mengenai pendaftaran, mendaftarkan kesatuan sekerja tersebut di-bawah Undang2 ini:

Dengan sharat bahawa jika salah satu dari maksud2 kesatuan sekerja tersebut adalah haram maka kesatuan sekerja itu tidak akan di-daftarkan dan, jika di-daftarkan, pendaftaran-nya akan menjadi tidak berguna.

Pendaftaran kesatuan sekerja itu wajib.

8. (1) Tiap2 kesatuan sekerja hendaklah di-daftarkan menurut kandungan2 Undang2 ini atau di-bubarkan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh —

- (a) penubohan-nya;
- (b) di-beritahu oleh Pendaftar bahawa ia telah enggan mendaftarkan kesatuan sekerja itu di-bawah bab 10; atau
- (c) permula'an Undang2 ini, yang mana satu tarikh yang terkemudian.

(2) Tiap2 kesatuan sekerja yang tidak di-daftarkan atau di-bubarkan dalam tempoh yang di-tentukan dalam cheraian (1) dan tiap2 pegawai kesatuan tersebut akan di-dapati salah dan akan di-kenakan hukoman denda sebanyak satu ratus ringgit bagi tiap2 hari kesatuan itu maseh belum di-daftarkan

dan belum di-bubarkan selepas tammat tempoh tersebut.

Peratoran2  
bagi  
pendaftaran.

9. (1) Mengenai pendaftaran sabuah kesatuan sekerja di-bawah Undang2 ini, dan peratoran2-nya, maka sharat2 yang berikut akan di-pakai —

- (a) satu permohonan untok mendaftarkan kesatuan sekerja itu dan peratoran2-nya hendaklah di-hantar kepada Pendaftar bersama dengan salinan2 peratoran2 itu dan sinarai pangkat2 dan nama2 pegawai2 kesatuan sekerja itu;
- (b) apabila ianya berpuas hati bahawa kesatuan sekerja itu telah menurut peratoran2 mengenai pendaftaran yang berkuat kuasa di-bawah Undang2 ini maka Pendaftar hendaklah, terta'alok kepada kandungan2 bab 10, mendaftarkan kesatuan sekerja itu dan peratoran2-nya;
- (c) tiada sabuah kesatuan sekerja yang boleh di-daftarkan dengan satu nama yang serupa dengan nama sebarang kesatuan sekerja lain yang masch ujud yang telah di-daftarkan atau hampir2 serupa dengan nama tersebut yang mungkin mengelirukan ahli2 atau orang ramai;
- (d) apabila mendaftarkan sabuah kesatuan sekerja maka Pendaftar hendaklah mengeluarkan satu sijil pendaftaran.

(2) Sijil yang di-keluarkan di-bawah cheraian (1) hendaklah, sehingga sebak-nya di-boktikan dan melainkan sijil itu telah di-batalkan atau di-tarek balek, menjadi keterangan bahawa kandungan2 Undang2 ini mengenai pendaftaran telah di-sampurnakan.

Ka-enggan  
mendaftarkan.

10. (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa —

- (a) pemohon2 itu belum lagi di-benarkan memohon bagi mendaftarkan;
- (b) tujuan2 kesatuan sekerja itu adalah haram;

- (c) permohonan itu tidak menurut kandungan2 Undang2 ini;
- (d) tujuan2 utama kumpulan itu tidak menurut pada pati2-nya dengan tujuan2 utama sebuah kesatuan sekerja dalam erti kata bab 2; atau
- (e) kumpulan yang hendak mendaftar ialah sebuah pertubohan yang mengandongi orang2 yang di-ambil bekerja atau bekerja di-lebih dari satu pekerjaan perusahaan atau pertukangan dan bahawa perlembagaan-nya tidak mengandongi syarat yang sesuai bagi melindungi kepentingan2 bahagian perusahaan mereka masing2;

maka dia boleh enggan mendaftarkan-nya.

(2) Pendaftar tidak akan mendaftarkan sebuah kesatuan sekerja jika dia berpuas hati bahawa sebarang kesatuan sekerja lain yang telah pun di-daftarkan adalah mewakili dengan chukup-nya semua kepentingan2 yang menjadi alasan2 untok pemohon2 itu berkehendakkan pendaftaran:

Dengan syarat bahawa jika Pendaftar berfikir bahawa ada sebab2 yang munasabah untok memperchayai bahawa sebuah kesatuan sekerja yang telah di-daftarkan adalah mewakili dengan chukup-nya semua atau sabahagian besar daripada kepentingan2 yang menjadi alasan2 untok pemohon2 itu berkehendakkan pendaftaran, maka dengan notis dalam *Warta Kerajaan* atau dengan chara yang lain, dia akan memberitahu sebarang kesatuan sekerja yang telah berdaftar yang nampak-nya mewakili kepentingan2 yang sama seperti pemohon2 itu bahawa permohonan mereka telah di-terima, dan akan menjemput sebarang kesatuan2 sekerja yang berkenaan itu supaya menghantar, sama ada dengan bertulis atau dengan chara lain, dalam masa yang akan di-tentukan-nya, sebarang bantahan yang mereka suka hendak membuat terhadap pendaftaran tersebut.

(3) Apabila Pendaftar enggan mendaftarkan sabuah kesatuan sekerja maka dia hendaklah dengan serta merta memberitahu pemohon2 itu dengan bertulis tentang sebab2 ka-engganannya.

(4) Sesuatu rayuan dari ka-engganannya Pendaftar untok mendaftarkan sabuah kesatuan sekerja hendaklah di-hadapkan ka-Mahkamah Tinggi dan apabila di-buat rayuan yang sedemikian maka Mahkamah Tinggi boleh membuat sebarang perentah yang di-fikirkan patut, termasuk sebarang arahan2 tentang belanja2 rayuan itu. Sebarang perentah yang sedemikian daripada Mahkamah Tinggi adalah mu-tamad.

(5) Hakim Besar boleh membuat peratoran2 untok mentadbirkan rayuan2 tersebut, untok mengadakan chara memberi keterangan, untok menentukan masa semasa mana rayuan2 tersebut hendaklah di-kemukakan, bayaran2 yang akan di-bayar, peratoran yang akan di-turuti dan chara memberitahu Pendaftar tentang rayuan itu.

(6) Pendaftar adalah berhak untok memberi pendapat-nya terhadap sebarang rayuan.

**Membatalkan pendaftaran.**

11. (1) Adalah sah bagi Pendaftar untok membatalkan pendaftaran sebarang kesatuan sekerja —

- (a) atas permintaan kesatuan sekerja itu yang di-kehendaki memberi keterangan sechara yang di-perentahkan-nya;
- (b) apakala mendapat bokti yang memuaskan bahawa satu sijil pendaftaran telah di-perolehi dengan jalan tipu atau silap, atau bahawa kesatuan sekerja tersebut, selepas menerima notis daripada Pendaftar, telah dengan sengahaja melanggar sebarang kandungan2 Undang2 ini atau telah tidak ujud lagi.

(2) Notis yang tidak kurang dari dua bulan menyatakan dengan ringkas-nya sebab2 pembatalan yang di-chadangkan itu, kechuali jika kesatuan sekerja itu telah tidak ujud lagi dalam perkara yang mana notis pembatalan boleh di-beri dengan serta merta,



hendaklah di-beri oleh Pendaftar kepada kesatuan sekerja itu sebelum pembatalan di-lakukan.

(3) Suatu rayuan dari keputusan Pendaftar di-bawah bab ini hendaklah di-hadapkan ka-Mahkamah Tinggi ter'talok kepada syarat2 yang sama sebagaimana yang di-tetapkan bagi rayuan terhadap ka-engganan Pendaftar untok mendaftarkan sebuah kesatuan sekerja, dan Hakim Besar boleh membuat peratoran2 menetapkan perkara2 yang serupa bagi yang mana peratoran2 boleh di-buat mengenai rayuan tersebut. Keputusan Mahkamah Tinggi adalah mu'tamad.

(4) Sebuah kesatuan sekerja yang pendaftarannya telah di-batalkan menurut fasal (b) dari cheraian (1) hendaklah, dari masa pembatalan tersebut, berhenti dari meni'mati kelebihan2 sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar dan hal ehwalnya hendaklah di-bubarkan dan hendaklah di-selesaikan oleh Pendaftar mengikut chara yang di-tentukan, tetapi dengan tidak membinchanakan sebarang tanggungan yang maseh di-tanggung oleh kesatuan sekerja tersebut yang mana boleh di-perkuat kuasakan terhadap kesatuan sekerja itu sa-olah2 pembatalan tersebut belum di-lakukan.

(5) Sebarang kesatuan sekerja, selepas di-batalkan pendaftarannya, yang terus menjalankan kerja2-nya dan tiap2 pegawai, ahli jawatankuasa pengurus atau lain2 orang yang bertindak bagi pehak kesatuan sekerja tersebut akan di-dapati salah dan akan di-kenakan hukoman denda sebanyak satu ratus ringgit bagi tiap2 hari pekerjaan2 tersebut diteruskan.

Menukar  
nama.

12. (1) Sebarang kesatuan sekerja yang berdaftar, dengan persetujuan yang tidak kurang dari dua pertiga dari jumlah ahli2-nya dan terta'alok kepada kandungan2 cheraian (2) dan bab 14, boleh menukar nama-nya.

(2) Suatu penukaran nama sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar tidak akan menyentoh sebarang hak2 atau tanggung-jawab2 kesatuan sekerja itu atau menyebabkan tergendala sebarang da'waan undang2

oleh atau terhadap kesatuan sekerja itu, dan sebarang da'waan undang2 yang mungkin telah diteruskan atau di-mulakan oleh atau terhadap-nya di-bawah nama-nya yang dahulu boleh-lah di-teruskan atau di-mulakan oleh atau terhadap-nya di-bawah nama-nya yang baharu.

**Menyatukan.**

13. Dua atau lebeh kesatuan2 sekerja yang berdaftar boleh di-satukan menjadi sabuah kesatuan sekerja dengan atau dengan tidak payah di-bubar atau di-bahagikan wang2 fund bagi kesatuan2 sekerja tersebut atau salah satu atau sebarang daripadanya, dengan syarat bahawa undi2 daripada tidak kurang dari setengah ahli2 tiap2 kesatuan sekerja tersebut bersetuju dengan bertulis sama ada sechara undi atau sebakel-nya dan adalah terchatet mempersetujui chadangan itu; dan dengan syarat bahawa penyatuan itu tidak akan mengendalakan sebarang hak mana2 kesatuan sekerja tersebut atau sebarang hak sesaorang yang memberi hutang kepada mana2 kesatuan sekerja tersebut.

**Notis kerana menukar nama atau bersatu.**

14. (1) Notis bertulis hendaklah di-beri kepada Pendaftar tentang tiap2 penukaran nama dan tentang tiap2 penyatuan, di-tanda tangani, dalam perkara penukaran nama, oleh setia usaha serta tujuh orang ahli kesatuan sekerja yang berdaftar yang menukar nama-nya itu, dan, dalam perkara penyatuan, oleh setia usaha serta tujuh orang ahli tiap2 kesatuan sekerja yang berdaftar yang hendak bersatu itu.

(2) Jika nama yang di-chadangkan itu adalah serupa dengan nama sebarang kesatuan sekerja lain yang berdaftar yang maseh ujud atau, pada fikiran Pendaftar, hampir2 sama dengan nama tersebut yang mungkin mengelirukan orang ramai atau ahli2 salah satu dari kesatuan sekerja itu, maka Pendaftar hendaklah enggan mendaftarkan penukaran nama itu.

(3) Kechuali menurut kandungan cheraian (2), jika dia berpuas hati bahawa kandungan2 Undang2 ini mengenai penukaran nama telah di-sempurnakan, Pendaftar akan mendaftarkan nama itu mengikut

chara yang di-tentukan, dan penukaran nama itu akan berjalan dari tarikh pendaftaran tersebut.

(4) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa kandungan2 Undang2 ini mengenai penyatuan telah di-sempurnakan dan bahawa kesatuan sekerja yang telah di-tubuhkan sechara itu adalah berhak untuk di-daftarkan di-bawah bab 9, maka dia hendaklah mendaftarkan kesatuan sekerja itu mengikut chara yang di-tentukan dan penyatuan itu akan berjalan dari tarikh pendaftaran tersebut.

(5) Mana2 orang yang terkilan oleh ka-enggan-an Pendaftar untuk mendaftarkan penukaran nama sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar atau pun kesatuan sekerja yang di-tubuhkan dengan chara menyatukan dua atau lebeh kesatuan sekerja yang berdaftar, boleh merayu terhadap ka-enggan-an tersebut mengikut chara yang terkandung dalam bab2 10 dan 11.

**Persekutuan  
kesatuan2  
sekerja.**

15. (1) Dua atau lebeh kesatuan2 sekerja yang berdaftar yang ahli2-nya adalah biasa-nya bekerja dalam satu perniagaan, pekerjaan atau perusahaan yang serupa boleh membentok atau menubuhkan satu persekutuan kesatuan2 sekerja :

Dengan syarat bahawa —

- (a) undi2 dari sekurang2-nya setengah dari ahli2 tiap2 kesatuan sekerja tersebut yang berhak mengundi bersetuju dengan bertulis sama ada sechara undi atau sebalek-nya dan adalah terchatet mempersetujui chadangan itu, dan
- (b) tiada sebarang persekutuan yang akan mengendalakan sebarang hak mana2 kesatuan sekerja tersebut atau sebarang hak sesaorang yang memberi hutang kepada sebarang kesatuan sekerja tersebut.

(2) Kandongan2 Undang2 ini mengenai kesatuan2 sekerja hendaklah di-pakai setakat kandongan2 itu boleh di-pakai terhadap sebuah perseku-

tuan kesatuan2 sekerja sa-olah2 persekutuan tersebut ialah sabuah kesatuan sekerja.

(3) Tiap2 permohonan untuk mendaftarkan sabuah persekutuan kesatuan2 sekerja hendaklah di-tanda tangani oleh setia usaha serta tujuh orang ahli dari tiap2 kesatuan sekerja yang berdaftar yang membentok atau menubuhkan persekutuan tersebut.

(4) Apabila telah di-terima sebarang permohonan yang sedemikian maka Pendaftar hendaklah, jika berpuas hati bahawa kandungan2 bab ini telah di-sempurnakan dan bahawa persekutuan itu berhak untuk di-daftarkan, mendaftarkan persekutuan itu.

(5) Sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar boleh bergabung dengan sabuah persekutuan kesatuan2 sekerja yang berdaftar yang mewakili perniagaan, pekerjaan atau perusahaan yang serupa jika persetujuan daripada ahli2 kesatuan sekerja itu untuk membuat pergabungan tersebut telah di-perolehi mengikut chara yang terkandung dalam cheraian (1) dan persekutuan kesatuan2 sekerja itu memberi kepada Pendaftar satu notis, yang di-tanda tangani oleh setia usaha persekutuan itu, bahawa permohonan untuk bergabung telah pun di-benarkan oleh persekutuan itu.

(6) Notis yang bertulis tentang sebarang keputusan untuk bergabung yang telah di-luluskan oleh sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar mengikut cheraian (5) yang di-tanda tangani oleh setia usaha serta tujuh orang ahli kesatuan tersebut hendaklah di-beri kepada Pendaftar dalam tempoh sa-bulan dari tarikh di-luluskan keputusan tersebut.

(7) Apabila di-terima kedua2 notis yang disebutkan dalam cheraian2 (5) dan (6), maka Pendaftar hendaklah, jika berpuas hati bahawa kandungan2 bab ini telah di-sempurnakan dan bahawa kesatuan sekerja itu berhak untuk bergabung dengan persekutuan itu, memasokkan butir tentang pergabungan tersebut ka-dalam daftar, dan, dari tarikh di-masokkan butir itu, kesatuan sekerja itu akan dianggap sabagai ahli persekutuan itu.

Pegawai2  
kesatuan  
sekerja.

16. (1) Tiap2 pegawai dari sabuah kesatuan sekerja atau persekutuan kesatuan2 sekerja yang berdaftar kechuali setia usaha hendaklah orang yang *sebenarnya* dan biasa-nya bekerja atau selama tidak kurang dari dua tahun telah di-ambil bekerja di-dalam perniagaan, perusahaan atau pekerjaan yang di-wakili oleh kesatuan sekerja atau persekutuan kesatuan2 sekerja tersebut.

(2) Sultan boleh dengan perintah khas atau 'am —

(a) mengistiharkan bahawa kandungan2 bab ini tidak akan di-pakai terhadap sebarang kesatuan sekerja yang berdaftar atau jenis kesatuan2 sekerja yang berdaftar yang di-tentukan dalam perintah itu; atau

(b) memberi kebebasan dari kandungan2 bab ini kepada pegawai atau sa-bilangan daripada pegawai2 dari sebarang kesatuan sekerja yang berdaftar atau jenis kesatuan2 sekerja yang berdaftar sabagaimana yang di-tentukan dalam perintah itu.

(3) Sebarang kebenaran yang di-beri di-bawah cheraian (2) hendak-lah di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(4) Tiada sesiapa pun boleh dengan tidak mendapat persetujuan Pendaftar, pada bila2 masa menjadi saorang pegawai bagi lebeh dari sabuah kesatuan sekerja.

Pergabongan  
di-luar  
negeri.

17. (1) Kechuali dengan persetujuan Sultan dalam Majlis Mashuarat, sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar tidak boleh bergabung atau bersangkut paut dengan sebarang kesatuan sekerja atau lain2 pertubohan yang di-tubuhkan di-luar Negeri dengan chara yang boleh menyentoh kebebasan bertindak atau kebebasan kesatuan sekerja itu atau boleh meletakkan kesatuan sekerja yang di-tubuhkan di-dalam Negeri, atau sebarang daripada ahli2-nya,

dengan apa chara pun atau mengenai sebarang perkara di-bawah kawalan kesatuan sekerja atau lain2 pertubuhan yang di-tubuhkan di-luar Negeri.

(2) Tiap2 kesatuan sekerja yang telah bergabung atau bersangkut paut sedemikian yang belum mendapat persetujuan Sultan dalam Majlis Mashuarat untok bergabung atau bersangkut paut, atau sebarang persetujuan untok berbuat demikian telah di-tarek balek, akan di-anggap sabagai satu persatuan yang haram dalam erti kata dan bagi semua maksud2 Undang2 Persekutuan.

Panggal 66

Ahli2 dari pegawai2 Kerajaan

18. (1) Tiada saorang ahli Pasokan Pulis Negeri Brunei dan tiada saorang ahli Perkhidmatan Penjara yang boleh memasoki atau menjadi ahli sebarang kesatuan sekerja atau di-terima menjadi ahli sebarang kesatuan sekerja.

(2) Barang siapa yang melanggar cheraian (1) atau dengan di-ketahui-nya berchampur tangan dalam perlanggaran tersebut akan di-dapati salah dan akan di-kenakan hukoman denda sebanyak satu ribu ringgit.

Perlindungan hak pemilihan pekerja2 untok memasoki sabuah kesatuan sekerja.

19. (1) Tiada sesiapa akan di-nafikan dari di-ambil bekerja semata2 oleh sebab ka-engganannya untok memasoki atau tidak mahu memasoki sabuah kesatuan sekerja, dan tiada sesiapa boleh membuat perjanjian yang berkehendakkan supaya sesorang itu hendak menjadi saorang ahli sabuah kesatuan sekerja sabagai sharat untok mendapat pekerjaan.

(2) Tiada majikan akan membaza2kan mana2 orang yang di-gajikan oleh sebab dia menjadi atau tidak menjadi ahli sabuah kesatuan sekerja.

(3) Mana2 orang atau majikan yang melanggar sama ada cheraian2 (1) atau (2) akan di-dapati salah dan akan di-kenakan hukoman penjara selama tidak lebeh dari enam bulan atau denda sebanyak satu ribu ringgit, atau kedua2-nya penjara dan denda.

Kandongan2  
Undang2  
Persekutuan  
dan Undang2  
Sharikat,  
1956, tidak  
akan di-pakai  
terhadap  
kesatuan2  
sekerja.

Tanggung-  
jawab untuk  
menghantar  
kira2.

20. Undang2 Persekutuan dan Undang2 Sharikat, 1956, kechuali bagi maksud cheraian (2) dari bab 17, tidak akan di-kenakan kapada sebarang kesatuan sekerja, dan pendaftaran sebarang kesatuan sekerja di-bawah salah satu dari Undang2 tersebut akan tidak berguna.

21. (1) Tiap2 Bendahari atau lain2 pegawai dari sabuah kesatuan sekerja hendaklah, pada masa2 yang ia di-kehendaki oleh peratoran2 kesatuan sekerja tersebut untok berbuat demikian, memberi kapada ahli2 kesatuan sekerja itu, di-dalam satu mashuarat-nya, satu kira2 yang benar dan betul tentang semua wang yang di-terima dan di-bayar oleh-nya dari semenjak dia memberi kira2 yang sedemikian pada masa yang lalu atau, jika kira2 yang lalu itu belum lagi di-beri, dari semenjak tertubohnya kesatuan sekerja itu dan tentang baki yang pada masa itu berada dalam tangan-nya, dan tentang semua bond2 dan jaminan2 kesatuan sekerja tersebut.

(2) Kira2 tersebut hendaklah di-oditkan oleh saorang atau orang2 yang layak yang akan di-lantek oleh kesatuan sekerja itu dengan kebenaran Pendaftaran.

(3) Apabila kira2 itu telah di-oditkan, maka Bendahari atau lain2 pegawai, mengikut sabagaimana keadaan-nya, hendaklah, jika di-kehendaki sedemikian, menyerahkan kapada kesatuan sekerja itu baki wang yang mana apakala di-oditkan didapati ada pada-nya, dan hendaklah juga jika di-kehendaki menyerahkan kapada kesatuan sekerja itu semua jaminan2 dan barang2, buku2, kertas2 dan harta benda kesatuan sekerja itu yang ada dalam tangan-nya atau dalam simpanan-nya.

(4) Jika Bendahari atau lain2 pegawai gagal daripada menyerahkan wang2, jaminan2 dan barang2, buku2, kertas2 dan harta benda kesatuan sekerja sabagaimana yang di-kehendaki oleh cheraian yang terdahulu ini, maka jawatankuasa pengurus kesatuan sekerja itu atau mana2 ahli bagi

pehak kesatuan sekerja itu boleh menda'wa-nya di-sebarang mahkamah yang berkuasa —

- (a) untok mendapatkan baki wang yang di-dapati ada pada-nya di-atas kira2 yang dahulu di-beri oleh-nya, atau, jika kira2 tersebut belum lagi di-beri, untok mendapatkan baki wang yang di-dapati ada dari semenjak tertuboh-nya kesatuan sekerja itu;
- (b) untok mendapatkan semua wang2 yang di-terima oleh-nya dari semenjak di-beri kira2 yang dahulu atau, mengikut sabagaimana keadaan-nya, dari semenjak tertuboh-nya kesatuan sekerja itu; dan
- (c) untok mendapatkan jaminan2 dan barang2, buku2, kertas2 dan harta benda yang ada dalam tangan atau simpanan-nya,

membenarkan-nya memotong dalam tindakan yang sedimikian wang2, jika ada, yang telah di-bayar-nya untok kira2 kesatuan sekerja tersebut.

(5) Pendaftar boleh pada bila2 masa memerentahkan supaya buku2, kira2, voucher, surat2, jaminan2 dan wang2 fund sebarang kesatuan sekerja di-pereksa atau di-odit oleh saorang atau orang2 yang layak yang di-lantek oleh-nya, dan adalah kewajipan setia usaha, bendahari atau lain2 pegawai sabuah kesatuan sekerja untok mengadakan kepada orang atau orang yang di-lantek itu semua kira2, buku2, surat2, voucher2, jaminan2 dan wang fund kesatuan sekerja itu untok di-pereksa atau di-oditkan.

Menggunakan wang2 fund

22. Wang2 fund sabuah kesatuan sekerja boleh, terta'alok kapada sebarang had2 yang terkandung di-dalam peratoran2-nya dan kapada kandungan2 Undang2 ini, di-belanjakan semata2 bagi tujuan2 yang berikut —



- (a) pembayaran gaji, alaan2 dan perbelanjaan2 pegawai2 dari kesatuan sekerja itu;
- (b) pembayaran perbelanjaan mentadbirkan kesatuan sekerja itu, termasuk odit kira2 wang2 fund kesatuan sekerja itu;
- (c) penda'awaan atau pembelaan sebarang perbicharaan Undang2 yang di-lakukan oleh atau terhadap kesatuan sekerja itu atau mana2 ahli-nya, apabila penda'waan atau pembelaan tersebut di-lakukan bagi maksud2 menjaga atau mengawal sebarang hak2 kesatuan sekerja itu atau sebarang hak2 yang timbul dari perhubungan2 m a n a 2 ahli dengan majikan-nya atau dengan saorang yang di-gajikan oleh ahli itu;
- (d) perjalanan pertikaian2 kerja bagi pehak kesatuan sekerja itu atau mana2 ahli-nya;
- (e) ganti-rugi kepada ahli2 kerana kerugian yang terbit dari pertikaian2 kerja;
- (f) alaan2 kepada ahli2 atau tanggungan2 mereka kerana kematian, umur tua, keuzoran, kemalangan2 atau penganggoran ahli2 tersebut;
- (g) perbelanjaan bagi pelajaran dan latihan kesatuan sekerja; dan
- (h) sebarang tujuan lain yang Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh menyiarkan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* sabagai satu tujuan bagi yang mana wang2 fund tersebut boleh di-belanjakan.

Tegahan  
dari membayar  
denda2 dan  
hukoman2.

23. Wang2 fund sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar tidak boleh di-gunakan sama ada sechara langsung atau tidak langsung bagi membayar keseluruhan atau sabahagian dari sebarang denda atau hu-

koman yang di-kenakan ka-atas mana2 orang dengan hukoman atau perentah sabuah mahkamah.

Menggunakan wang2 fund untok maksud2 siasah.

24. Wang2 fund sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar tidak boleh di-gunakan sama ada sechara langsung atau tidak langsung bagi memberi bantuan2 kapada sebarang parti siasah atau bagi sebarang maksud siasah sama ada di-dalam atau di-luar Negeri.

Kira2 yang telah di-odit hendaklah di-hantar kapada Pendaftar.

25. (1) Tiap2 kesatuan sekerja yang berdaftar hendaklah menghantar kapada Pendaftar kira2 yang telah di-sedia dan di-oditkan menurut bab 21 dalam tempoh tiga bulan selepas berakhir-nya tahun kewangan yang kira2 itu ada berkaitan dengan-nya.

(2) Tiap2 pegawai dari sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar yang gagal menurut kandungan2 bab ini akan di-dapati salah dan akan di-kenakan hukoman denda sebanyak lima ratus ringgit.

Memeriksa kira2 dan surat2.

26. (1) Buku2 kira2 sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar dan satu sinarai ahli2-nya hendaklah terbuka untok di-pereksa —

(a) oleh mana2 pegawai atau ahli kesatuan sekerja itu pada masa2 yang di-sebutkan dalam peratoran2 kesatuan sekerja itu; dan

(b) oleh Pendaftar pada bila2 masa yang munasabah.

(2) Barang siapa yang menchegeh atau menghalang pemereksaan buku2 kira2 sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar oleh saorang pegawai atau ahli kesatuan sekerja tersebut pada masa yang ditentukan oleh peratoran2 kesatuan sekerja itu bagi maksud yang tersebut atau oleh Pendaftar pada bila2 masa yang munasabah akan di-dapati salah dan akan di-kenakan hukoman denda sebanyak lima ratus ringgit.

Peratoran2 bagi kesatuan2 sekerja yang berdaftar.

27. (1) Peratoran2 bagi tiap2 kesatuan sekerja yang berdaftar hendaklah mengandongi kandungan2 berkenaan dengan beberapa perkara yang di-sebutkan dalam Jadual.

(2) Satu salinan peratoran2 tersebut hendaklah di-beri oleh kesatuan sekerja itu kepada mana2 orang yang meminta-nya setelah di-bayar wang yang tidak lebeh dari lima puluh sen.

Mengubah peratoran2 kesatuan sekerja dan lain2.

28. (1) Tiap2 perubahan pada peratoran2, atau pada pangkat2 atau nama2 pegawai2, bagi sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar hendaklah di-daftarkan dengan Pendaftar dan akan berkuat kuasa dari tarikh pendaftaran itu melainkan satu tarikh yang terkemudian ada di-sebutkan dalam peratoran2 itu.

(2) Peratoran2 sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar tidak boleh di-ubah jika dengan berbuat demikian akan terkeluar kandungan2 berkenaan dengan beberapa perkara yang di-sebutkan dalam Jadual.

Hukoman kerana menggunakan wang atau harta benda sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar dengan jalan salah.

29. (1) Jika, dengan aduan di-buat oleh saorang ahli sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar, terbukti hingga memuaskan hati mahkamah Majistret Kelas Pertama atau Kedua bahawa mana2 pegawai atau ahli kesatuan sekerja itu ada menyimpan atau mengawal sebarang harta benda kesatuan itu kechuali menurut peratoran2 kesatuan itu, atau telah dengan sechara haram membelanjakan atau menahan sebarang wang kesatuan itu, maka mahkamah itu hendaklah, jika di-fikirkan bahawa keadilan patutlah di-jalankan, memerintah pegawai atau ahli tersebut supaya menyerahkan semua harta benda tersebut kepada ahli2 kesatuan itu dan supaya membayar kepada mereka wang yang telah di-belanjakan atau di-tahan dengan sechara haram itu.

(2) Aduan yang di-buat di-bawah cheraian (1) tidak akan di-layani melainkan mahkamah berpuas hati bahawa orang yang membuat aduan itu adalah, pada tarikh pengaduan itu, saorang ahli dari kesatuan sekerja yang berdaftar yang harta benda-nya telah menerbitkan aduan tersebut.

(3) Barang siapa yang terikat oleh satu perentah yang di-buat di-bawah cheraian (1) yang gagal daripada menyempurnakan sharat2 perentah itu

dan arahan2 yang di-beri di-dalam-nya dalam tempoh yang akan di-tentukan dalam perintah tersebut akan di-dapati salah dan akan di-kenakan hukuman denda sebanyak satu ribu ringgit.

(4) Suatu perintah yang di-buat di-bawah che-raian (1) tidak akan membabit atau menche-gah sesuatu da'waan jenayah, atau perbicharaan mal terhadap mana2 pegawai atau ahli tersebut.

(5) Suatu perintah yang menche-gah sebarang perbelanjaan yang tidak di-benarkan atau yang haram dari wang2 fund sabuah kesatuan sekerja boleh di-beri atas permohonan dari lima orang atau lebeh yang mempunyai kepentingan yang chukop dalam bantuan yang di-pohonkan itu, atau dari Pendaftar atau Peguam Negara, dan dalam mem-beri sebarang perintah yang sedemikian maka mah-kamah itu, dalam perkara pembubaran sebarang kesatuan sekerja apakala di-batalkan pendaftarannya, boleh memerentahkan supaya wang2 fund ke-satuan sekerja itu di-bayar kepada mahkamah bagi di-urus menurut peratoran2 kesatuan sekerja itu.

Memberi ma'aloman yang palsu mengenai kesatuan2 sekerja.

30. Barang siapa, dengan niat hendak menipu, memberi kepada mana2 ahli sabuah kesatuan sekerja atau kepada mana2 orang yang bertujuan atau memohon menjadi ahli kesatuan sekerja tersebut sebarang surat yang di-sifatkan sabagai salinan peratoran2 kesatuan sekerja itu atau sebarang perubahan2 kepada peratoran2 tersebut yang di-ketahuinya, atau di-perchayai-nya, bukan-lah satu salinan betul peratoran2 atau perubahan2 yang berkuat kuasa pada masa itu, atau barang siapa dengan niat yang serupa, memberi satu salinan sebarang peratoran2 dari sabuah kesatuan sekerja yang tidak berdaftar kepada mana2 orang atas elah bahawa peratoran2 tersebut adalah peratoran2 dari sabuah kesatuan sekerja yang berdaftar, akan di-dapati salah dan akan di-kenakan hukuman penjara selama tiga bulan atau denda sebanyak lima ratus ringgit atau kedua2-nya penjara dan denda tersebut.

**Kegagalan  
untuk  
menghantar  
sinarai2.**

31. Jika kesalahan di-buat oleh pihak sebarang kesatuan sekerja yang berdaftar dalam melakukan sebarang perbuatan, dalam memberi sebarang notis, atau dalam menghantar sebarang kenyataan, sinarai atau lain2 surat sabagaimana yang di-kehendaki oleh Undang2 ini atau oleh peratoran2 yang di-buat di-bawah-nya, maka tiap2 pegawai atau lain2 orang yang terikat oleh peratoran2 kesatuan sekerja itu atau di-bawah kandongan2 Undang2 ini atau peratoran2 yang di-buat di-bawah-nya untok melakukan perbuatan tersebut, atau untok memberi notis tersebut, atau untok menghantar kenyataan, sinarai atau surat tersebut, atau, jika tiada pegawai atau orang yang sedemikian, tiap2 ahli jawatankuasa pengurus dari kesatuan sekerja yang berdaftar itu akan bersendirinya di-dapati salah dan boleh dikenakan hukuman denda sebanyak lima ratus ringgit.

**Menghadkan  
da'waan.**

32. Tiada da'waan yang boleh di-lakukan di-bawah Undang2 ini kechuali oleh atau dengan persetujuan Penda'wa Raya.

**Salinan2  
Undang2  
hendaklah  
di-tampal  
sabagaimana  
yang di-arahkan  
oleh Pesuruh-  
jaya Buroh.**

33. Salinan2 Undang2 ini hendaklah di-tampal di-tempat2 dan dalam bahasa2 sabagaimana yang Pensurohjaya Buroh boleh mengarahkan.

**Peratoran2.**

34. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 'am-nya bagi menjalankan kandongan2 Undang2 ini dan khas-nya tetapi dengan tidak membinchanakan ke-umuman kuasa yang di-sebutkan di-atas, peratoran2 tersebut boleh di-adakan untok —

- (a) buku2 dan daftar2 supaya di-simpan bagi maksud2 Undang2 ini dan bentuk-nya buku2 dan daftar2 tersebut;
- (b) chara bagaimana kesatuan2 sekerja dan peratoran2 kesatuan2 sekerja itu akan di-daftarkan dan bayaran2 yang akan di-bayar apakala di-daftarkan;

- (c) chara bagaimana kira2 kesatuan2 sekerja yang berdaftar atau bagi sebarang jenis kesatuan2 sekerja tersebut akan di-oditkan dan kelayakan orang2 yang mengoditkan-nya;
- (d) syarat2 terta'alok kapada mana pemereksaan surat2 yang di-simpan oleh Pendaftar akan di-benarkan dan bayaran2 yang akan di-kenakan kerana pemereksaan2 tersebut;
- (e) menguruskan dan menyimpan wang2 fund dan wang2 bagi sabuah kesatuan sekerja;
- (f) mengadakan, mentadbirkan, melindungi dan mengawal dan menguruskan wang2 fund dermawan kesatuan2 sekerja yang berdaftar dan semua perkara2 yang berhubong atau berkaitan dengan-nya;
- (g) sinarai2 supaya di-buat, dan kira2 supaya di-beri, kapada Pendaftar oleh pegawai2 kesatuan2 sekerja; dan
- (h) sebarang apa yang di-kehendaki atau di-benarkan oleh Undang2 ini untuk di-tentukan.

## J A D U A L

### (Bab 27)

1. Nama kesatuan sekerja itu, alamat pejabat-nya dan tempat atau tempat2 mashuarat perkumpulan kerana menjalankan pekerjaan kesatuan sekerja itu.
2. Keseluruh tujuan2 yang kerana-nya kesatuan sekerja itu akan di-tubuhkan, maksud2 yang kerana-nya wang2 fund kesatuan sekerja itu akan di-gunakan, dan syarat2 di-bawah mana sebarang ahli boleh menjadi berhak untuk mendapat sebarang faedah yang di-jamin oleh-nya dan denda2 serta rampasan2 yang akan di-kenakan ka-atas sebarang ahli kesatuan sekerja itu.
3. Chara membuat, mengubah, meminda dan membatalkan peratoran2.

4. Satu syarat bagi melantek dan membuang satu jawatan-kuasa pengurus 'am dan saorang bendahari, saorang setia usaha dan lain2 pegawai kesatuan sakerja itu.
5. Satu syarat bagi menyimpan sabuah daftar ahli2 kesatuan sekerja itu dan ahli2 jawatankuasa pengurus dan pegawai2-nya.
6. Satu syarat bagi menyimpan kira2 yang lengkap dan betul oleh bendahari itu.
7. Menjaga dan mempermodalkan wang2 fund kesatuan sekerja itu, gelaran pegawai atau pegawai2 yang bertanggung jawab bagi-nya, dan odit kira2-nya pada tiap2 tahun atau pada giliran2 masa yang tertentu.
8. Pemereksaan buku2 dan nama2 ahli kesatuan sekerja itu oleh tiap2 orang yang mempunyai kepentingan dalam wang2 fund kesatuan sekerja itu.
9. Chara membubarkan kesatuan sekerja dan membahagi2-kan wang2 fund kesatuan itu yang ada pada masa pembubaran tersebut.
10. Mengambil semua keputusan2 tentang pemilehan pegawai2, pindaan peratoran2, permogokan, pembubaran dan sebarang perkara lain yang menyentoh ahli2 kesatuan itu pada 'am-nya sechara undi rahsia.

Di-luluskan pada 7 haribulan December, 1961.

PENGIRAN MOMIN,  
*Juru Tulis*  
*Majlis Mashuarat Negeri,*  
*Brunei.*

[LAO. 21/55]